A

Logeshvaran a/l Segaran lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO JA-42(R)-13–12 TAHUN 2019 DAN JA-42(R)-14–12 TAHUN 2019
ABU BAKAR KATAR H
11 APRIL 2021

C

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada hakim mahkamah sesyen telah terkhilaf menggunakan beban bukti semasa di peringkat pembelaan — Sama ada hakim mahkamah sesyen tersalah arah dalam meletakkan dua beban pembuktian di peringkat kes pembelaan — Sama ada salah arah dalam beban pembuktian boleh dipulihkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah s 422 — Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 s 16(a)(B)

D

Pengadu ('SP9') merupakan seorang kontraktor dan menggajikan ramai pekerja warga asing. Pada 10 Jun 2016, SP9 telah menerima panggilan telefon daripada perayu. Perayu, seorang anggota polis berpangkat Koperal memaklumkan telah menahan dua orang pekerja SP9 kerana tiada permit kerja yang sah dan meminta SP9 berjumpa perayu. Keesokan harinya, SP9 dan perayu berjumpa dan berbincang masalah pekerja yang ditahan. SP9 memberitahu bosnya akan datang dan hanya akan memberikan wang RM2,000 kepada perayu. SP9 bersetuju bahawa perayu tidak meminta wang RM2,000 (pertuduhan pertama) sebaliknya SP9 memberitahu perayu RM2,000 merupakan jumlah yang mampu dibayar ketika itu. SP9 memaklumkan kepada perayu bahawa bosnya akan menyerahkan wang RM2,000 (pertuduhan kedua dan pertuduhan kedua alternatif) pada waktu petang. Kemudian, SP9 telah menghubungi pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') dan membuat aduan. Pihak SPRM telah mengadakan taklimat perangkap dan wang perangkap disediakan. Sebaik selesai taklimat, SP9 bersama bosnya ('SP7') berjumpa dengan perayu. Pada mulanya, wang rasuah RM2,000 cuba diserahkan oleh SP7 tetapi perayu tidak menerimanya. Kemudian, SP7 menyerahkan semula wang perangkap kepada SP9 untuk diserahkan kepada perayu. Sebaik sahaja wang perangkap diserahkan kepada perayu oleh SP9, SP9 membuat isyarat penyerahan wang dan pihak SPRM telah membuat serbuan terhadap perayu. Perayu kemudiannya dituduh dengan pertuduhan pertama iaitu meminta suapan RM2,000, satu kesalahan di bawah s 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta') dan pertuduhan kedua iaitu memperoleh suapan RM2,000, satu kesalahan bawah s 17(a) Akta. Pendakwaan juga mengemukakan pertuduhan alternatif kedua iaitu menerima RM2,000 tanpa balasan, satu kesalahan bawah s 165 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Perayu

E

F

G

H

I

mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan termasuk pertuduhan alternatif. Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen ('HMS') memutuskan bahawa pendakwaan telah berjaya memutuskan kes prima facie atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. HMS memanggil perayu untuk membela diri atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. Di akhir kes pembelaan, HMS memutuskan perayu bersalah dan mensabitkannya atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. Sebaliknya HMS memutuskan tiada kes prima facie atas pertuduhan kedua iaitu memperoleh suapan RM2,000 dan melepas dan membebaskan perayu atas pertuduhan kedua. Perayu dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan denda RM15,000, jika tidak bayar, enam bulan penjara untuk pertuduhan pertama. Perayu dijatuhi hukuman penjara 12 bulan untuk pertuduhan kedua alternatif. Hukuman penjara bagi kedua-dua hukuman berjalan secara serentak. Terkilan, perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan perayu:

(1) Di akhir kes pendakwaan, dengan jelasnya, HMS tidak bergantung kepada s 50 Akta semasa memutuskan kes prima facie atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. Dalam keadaan ini, perayu tercari-cari apakah beban bukti yang seharusnya pembelaan buktikan di peringkat kes pembelaan. Minda HMS hanya terserlah apabila dalam penghakimannya menggunakan anggapan di bawah s 50 Akta bagi kes pembelaan. Oleh itu, HMS tersalah arah dan alasan ini memadai untuk mengakaskan sabitan dan hukuman perayu atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif (lihat perenggan-perenggan 25 & 27).

(2) HMS telah tersalah arah apabila dalam penghakimannya meletakkan perayu di atas dua beban bukti di peringkat kes pembelaan iaitu menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan dan atas imbangan kebarangkalian (mematahkan anggapan s 50 Akta). Salah arah beban bukti ini tidak dapat dipulihkan di bawah s 422 Kanun Tatacara Jenayah (lihat perenggan-peranggan 28–29).

[English summary

The complainant ('SP9') was a contractor had had employed foreign workers. On 10 June 2019, SP9 had received a phone call from the appellant. The appellant was a police officer of the rank Corporal had informed him that two of SP9's workers were arrested because they did not possess a valid work permit and requested for SP9 to meet with the appellant. The following day, SP9 and the appellant met and discussed the problem concerning his worker that was arrested. SP9 said that his boss will come and will only give RM2,000 to the appellant. SP9 agreed that the appellant did not ask for the monies amounting to RM2,000 ('the first charge'), conversely, SP9 told the appellant that RM2,000 was the amount that he could afford to pay at the time. SP9 informed the appellant that his boss will deliver the RM2,000 (the second and

second alternative charge) in the evening. Later, SP9 contacted the Malaysian Anti-Corruption Commission office ('MACC') and made a complaint. MACC had conducted a trap briefing and the trap monies were prepared. As soon as the briefing was done, SP9 with his boss ('SP7') had met with the appellant. Initially, the RM2,000 corrupt money was supposed to be served by SP7 but the appellant did not receive it. Later, SP7 redelivered the trap monies to SP9 to be served to the appellant by SP9, SP9 gave the signal which indicates the monies have been delivered, and the MACC had conducted a raid on the appellant. The appellant was then alter charged with the first charge being asking for RM2,000 gratification, an offence under s 16(a)(B) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('the Act') and a second charge being obtaining gratification of RM2,000, an offence under s 17(a) of the Act. The prosecution also adduced and alternative charge being receiving RM2,000 without adequate consideration under s 165 of the Penal Code (the Code). The appellant pleaded not guilty on all the charges including the alternative charge. At the end of the prosecution's case, the sessions court judge ('SCJ') ruled that the prosecution had proved a prima facie kes on the first and second alternative charge. The SCJ called the appellant to enter his defense on the first and second alternative charge. At the end of the defence case, the SCJ found the appellant guilty and convicted him on the first and second alternative charge. Conversely, the SCJ found that there was no prima facie case made out on the second charge being obtaining gratification amounting to RM2,000 and acquitted and discharged the appellant of the second charge. The appellant was sentenced to three years imprisonment and a fine of RM15,000, in default, six months imprisonment for the first charge. The appellant was sentenced to 12 months imprisonment for the second alternative charge. The prison sentence for both offences were to run concurrently. Aggrieved, the appellant appealed against the conviction and sentence.

Held, acquitting and discharging the accused:

(1) At the end of the prosecution's case, it was clear that the SCJ did not rely on s 50 of the Act when finding a prima facie case on the first and second alternative charge. In this situation, the appellant is left wondering what was the burden of proof that the defence has to discharge during the defence case. The mind of the SCJ only became apparent when in his judgement, he used the presumption under s 50 of the Act for the defence case. Therefore, the SCJ had misdirected himself and this ground alone was sufficient to overturn the sentence and conviction of the appellant on the first charge and second alternative charge (see paras 25 & 27).

(2) The SCJ had misdirected himself when in his judgement had placed the appellant on two burdens of proof at the defence case being to raise a reasonable doubt on the prosecution's case and on a balance of probabilities (to rebut the presumption under s 50 of the Act). This misdirection on the burden of proof cannot be cured by s 422 of the

A Criminnal Procedure Code (see paras 28–29).]

Kes-kes yang dirujuk

Mohamat Zamri Idris v PP [2016] 1 LNS 324, MT (diikut)
PP v Ma' Arif [1969] 2 MLJ 65; [1969] 1 LNS 134 (dirujuk)
B *Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v PP* [2014] 6 MLJ 408; [2014] 4 CLJ 406, MR (dibeza)
Wan Marzuki bin Wan Abdullah v PP [2008] MLJU 285; [2008] 4 CLJ 631, MR (dirujuk)

C **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), (da), 39B(1)(a)
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 16(a)(B), 17(a), 50, 53(3)
Kanun Keseksaan s 165
D Kanun Tatacara Jenayah s 422

T Vijay (Vijaya Sandran & Assoc) bagi pihak perayu.
Suhaili bt Sapun (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak pendakwaan.

E

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

F **[1]** Perayu merupakan seorang anggota polis berpangkat Koperal yang bertugas di Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor. Perayu menghadapi pertuduhan pertama iaitu meminta suapan RM2,000 kesalahan di bawah s 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta itu'), pertuduhan kedua iaitu memperoleh suapan RM2,000
G kesalahan di bawah s 17(a) Akta itu. Selepas pihak pendakwaan memanggil saksi SP11, pendakwaan mengemukakan pertuduhan alternatif kedua ('P20') iaitu menerima RM2,000 tanpa balasan kesalahan di bawah s 165 Kanun Keseksaan ('Kanun itu').

H **[2]** Perayu tidak mengaku bersalah atas semua pertuduhan termasuk pertuduhan alternatif. Perbicaraan penuh telah dijalankan di hadapan Tuan Hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor ('Tuan HMS itu'). Di akhir kes pendakwaan, Tuan HMS itu memutuskan pendakwaan berjaya memutuskan kes prima facie atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif.
I Tuan HMS itu memanggil perayu untuk membela diri atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. Sebaliknya Tuan HMS itu memutuskan tiada prima facie atas pertuduhan kedua iaitu memperoleh suapan RM2,000 dan melepas dan membebaskan perayu atas tuduhan kedua ini.

[3] Bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif, di akhir kes pembelaan Tuan HMS itu memutuskan perayu bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. Bagi pertuduhan pertama, perayu dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan denda RM15,000 tidak bayar enam bulan penjara. Bagi pertuduhan kedua alternatif, perayu di jatuhi hukuman penjara 12 bulan. Hukuman penjara bagi kedua-dua hukuman berjalan secara serentak.

[4] Perayu yang terkilan dengan keputusan Tuan HMS itu, merayu ke Mahkamah Tinggi atas sabitan dan hukuman bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif.

[5] Mahkamah ini telah mendengar rayuan oleh perayu dan di akhir pendengaran, mahkamah ini mengakaskan sabitan dan hukuman ke atas perayu. Selanjutnya perayu dilepas dan bebas daripada pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. Denda jika telah dibayar di kembalikan kepada perayu.

[6] TPR yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah merayu ke Mahkamah Rayuan Malaysia.

LATAR BELAKANG KES

[7] Bagi kemudahan rujukan dalam penghakiman diperturunkan pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan kedua alternatif yang dirangka oleh pendakwaan terhadap perayu.

Pertuduhan pertama:

> Bahawa kamu pada 12 Jun 2016, jam lebih kurang 2.00 petang bertempat di Stesen Minyak Petronas Nusa Perintis, PTD 77623 Jalan Gelang Patah, di dalam Daerah Johor Bahru, dalam negeri Johor, *dengan sendiri secara rasuah meminta suapan, iaitu wang tunai RM2,000.00* daripada Ravi A/L Subramaniam (No K/P: 680930–02–5063) sebagai dorongan untuk kamu sebagai Konstabel Polis yang bertugas di POS PGA Pendas, Gelang Patah untuk tidak melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipal kamu iaitu kononnya untuk tidak menganggu dan menangkap pekerja asing Ravi A/L Subramaniam yang tidak mempunyai permit kerja yang sah, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.

Pertuduhan kedua:

> Bahawa kamu pada 12 Jun 2016, jam lebih kurang 4.00 petang bertempat di Stesen Minyak Petronas Nusa Perintis, PTD 77623 Jalan Gelang Patah, di dalam Daerah Johor Bahru, dalam negeri Johor, iaitu Konstabel Polis yang bertugas di POS PGA Pendas, Gelang Patah, *telah secara rasuah memperoleh untuk diri kamu satu suapan iaitu wang tunai sebanyak berjumlah RM2,000.00* daripada Ravi A/L Subramaniam

(No K/P: 680930–02–5063) sebagai dorongan kepada untuk tidak melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipal kamu iaitu kononnya untuk tidak menganggu dan menangkap pekerja asing Ravi A/L Subramaniam yang tidak mempunyai permit kerja yang sah, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum dibawah seksyen 24 Akta yang sama.

Pertuduhan kedua alternatif:

Bahawa kamu pada 12 Jun 2016, jam lebih kurang 4.40 petang bertempat di Stesen Minyak Petronas Nusa Perintis, PTD 77623 Jalan Gelang Patah, di dalam Daerah Johor Bahru, dalam negeri Johor, sebagai seorang penjawat awam iaitu anggota Polis Di Raja Malaysia berpangkat Koperal telah *menerima untuk diri kamu suatu benda yang berharga iaitu wang tunai berjumlah RM2,000.00 dengan tiada balasan daripada Ravi A/L Subramaniam (No K/P: 680930–02–5063) yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu* sebagai anggota polis yang mana Ravi A/L Subramaniam kononnya menggaji pekerja asing tanpa permit yang sah. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574).

[8] Secara ringkasnya kes pendakwaan yang dibentangkan di hadapan Tuan HMS itu seperti berikut: Pengadu yang bernama Ravi a/l Subramaniam ('SP9') merupakan seorang kontraktor dan menggajikan ramai pekerja warga asing. Pada 10 Jun 2016 jam lebih kurang jam 11 pagi beliau menerima panggilan telefon dari seorang lelaki India yang memperkenalkan dirinya sebagai seorang polis (kemudiannya dicamkan sebagai perayu). Perayu memaklumkan telah menahan dua orang pekerjanya kerana tiada pemit kerja yang sah dan meminta SP9 berjumpa perayu. Memandangkan SP9 sibuk pada hari tersebut dan meminta untuk berjumpa dengan perayu keesokan harinya.

[9] Pada 11 Jun 2016 jam lebih kurang 2 petang SP9 telah menghubungi perayu untuk berjumpa esoknya iaitu 12 Jun 2016 jam lebih kurang 2 petang di Pam Minyak Petronas, Gelang Patah.

[10] Kemudiannya SP9 dan perayu berjumpa dan berbincang masalah pekerja yang ditahan. SP9 memberitahu bosnya akan datang dan hanya memberikan wang RM2,000 kepada perayu. SP9 setuju perayu tidak ada meminta wang RM2,000 ('petuduhan pertama') sebaliknya SP9 memberitahu RM2,000 jumlah yang mampu dibayar ketika itu. SP9 memamklumkan kepada perayu pukul 5 petang baru bosnya akan menyerahkan wang RM2,000 ('pertuduhan kedua dan pertuduhan kedua alternatif').

[11] SP9 dengan bantuan 'abangnya' ('Pegawai SPRM, Putrajaya') telah menghubungi Pejabat SPRM Cawangan Kluang. SP9 telah membuat aduan

sebagaimana Borang Aduan No 18/2016 ('P6'). Sebagaimana lazimnya pihak SPRM telah mengadakan taklimat perangkap dan wang perangkap turut disediakan ('P14 dan P15'). A

[12] Sebaik selesai taklimat, SP9 bersama bos ('SP7') ('Halim Hassan') dan anak saudara SP9 iaitu Thisenwara Rau a/l Athi Naidu ('SP13') bergerak ke stesen Pam Minyak Petronas, Gelang Patah berjumpa perayu. Pada mulanya wang rasuah RM2,000 cuba diserahkan oleh SP7 yang bertindak sebagai bos tetapi perayu tidak menerimanya. Kemudiannya SP7 menyerahkan semula wang perangkap kepada SP9 untuk diserahkan kepada perayu. Sebaik wang perangkap diserahkan kepada perayu oleh SP9, SP9 membuat isyarat penyerahan wang dan pihak SPRM telah membuat serbuan terhadap perayu. Perayu dikatakan telah mencampakkan wang tersebut kedalam kereta Hilux dan wang jatuh di bahagian pedal brake di bahagian lantai kaki kereta tersebut. B C D

[13] Perayu telah ditangkap dan notis di bawah s 53(3) Akta itu ('P7') telah diserahkan kepada perayu oleh Muhammad Hasri Lim bin Abdullah ('SP6'). Siasatan dalam kes ini telah dijalankan oleh Azmi B Yusuf ('SP12').

MERIT RAYUAN PERAYU E

[14] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit rayuan yang dikemukakan oleh peguam perayu yang terpelajar, eloklah dirujuk kembali nas-nas duluan yang memberikan panduan kepada mahkamah ini diperingkat 'appellate stage' mendengar rayuan daripada mahkamah bawahan. F

[15] Mahkamah ini merujuk kes *Public Prosecutor v Ma' Arif* [1969] 2 MLJ 65; [1969] 1 LNS 134 di mana YA Abdul Hamid H (pada ketika itu) menzahirkan pandangannya sebagaimana berikut: G

> The case evolved purely on a question of fact and, bearing in mind that an appeal is merely a continuation of a trial, and throws open all the evidence to re-examination in order to determine whether or not the various findings of the court are correct, I found it necessary in this case to review the whole of the evidence adduced by the prosecution. It is true that a Magistrate's decision should not be reversed on the ground of its being against the weight of evidence. However, there is no reason why it should not be done if it were found that the decision was grossly against the weight of the evidence. H

[16] Mahkamah ini juga merujuk kes *Wan Marzuki bin Wan Abdullah v Public Prosecutor* [2008] MLJU 285; [2008] 4 CLJ 631, di mana YA Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) menyatakan: I

> There is clear authority for the proposition that in an appeal of this nature which turns on questions of fact particularly in relation to issues of credibility, this court

will be reluctant to interfere with the findings made by the primary trier of fact. We need go no further than to quote the following passage from the judgment of Shaik Daud JCA in *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644; [2000] 3 CLJ 289:

> In the present case the learned judge concluded that there were discrepancies but those discrepancies were not material ones. Since this involved the credibility of witnesses, we held that the learned judge was a better person to decide and an appellate court ought not to interfere with such findings.

[17] Mahkamah ini telah menghalusi penghujahan bertulis yang difailkan oleh pihak-pihak, beberapa isu telah diketengahkan dalam rayuan ini. Walaupun begitu, pada hemah mahkamah ini isu utama yang menentukan hala tuju rayuan ini ialah Tuan HMS itu telah terkhilaf menggunakan beban bukti semasa di peringkat kes pembelaan.

[18] Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan di ms (303) (rekod rayuan) ('RR') (Jld 2(b)) semasa Tuan HMS itu menyampaikan keputusannya di akhir kes pendakwaan. Tuan HMS itu sekadar menyatakan seperti berikut:

> *Keputusan Di akhir Kes Pendakwaan*:
>
> Setelah mahkamah mendengar keterangan bersumpah daripada kesemua saksi-saksi dan setelah mahkamah meneliti kesemua ekshibit yang ada dan setelah mahkamah membaca hujahan bertulis yang telah difailkan oleh kedua-dua belah pihak yang bijaksana, di akhir kes pendakwaan setelah mahkamah menimbangkan kesemua keterangan yang ada secara maksima mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya *membuktikan satu kes prima facie ke atas pertuduhan pertama dan tuduhan kedua alternative, dan oleh itu mahkamah memanggil tertuduh untuk membela diri di atas tuduhan-tuduhan tersebut*. (Penekanan ditambah.)

[19] Mahkamah ini mengamati di akhir kes pendakwaan, Tuan HMS itu semasa memerintahkan perayu membela diri atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif tidak bergantung kepada anggapan undang-undang yang diperuntukan dibawah s 50 Akta itu. Minda Tuan HMS ini terserlah dalam penghakimannya di perenggan 19 yang menyatakan:

> 13. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap OKT bagi Pertuduhan Pertama dan pertuduhan Alternatif Tuduhan Kedua dan telah memanggil OKT membela diri.

[20] Mahkamah ini berpendapat semasa di akhir kes pendakwaan, Tuan HMS itu secara jelasnya tidak bergantung kepada anggapan undang-undang di bawah s 50 Akta itu. Sebaliknya di peringkat kes pembelaan, Tuan HMS itu bergantung kepada anggapan undang-undang di bawah s 50 Akta itu. Mahkamah ini meneliti penghakiman Tuan HMS itu semasa menimbangkan

pembelaan perayu ada menggunakan anggapan di bawah s 50 Akta itu. A

[21] Mahkamah ini merujuk penghakiman Tuan HMS itu semasa menimbangkan pembelaan perayu ada menyatakan seperti berikut:

> 76. Dari perbincangan di atas maka mahkamah ini memutuskan bahawa di akhir kes pembelaan pihak pembelaan telah gagal mematahkan anggapan di bawah seksyen 50 ASPRM tersebut dan pembelaan OKT juga telah gagal menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan oleh yang demikian maka pihak pendakwaan telah berjaya mmbuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. B C

[22] Mahkamah ini merujuk kes *Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v Public Prosecutor* [2014] 6 MLJ 408; [2014] 4 CLJ 406 di mana YA Tengku Maimun HMR (sekarang YA Ketua Hakim Negara) ada menyentuh isu beban bukti di akhir kes pendakwaan melibatkan pengedaran dadah. Secara ringkas fakta kes ini seperti berikut: perayu telah dituduh mengedar 2,849g methamphetamine, kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta itu'). Perayu membawa satu beg troli ('P27') dan satu beg hitam ('P37') di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Setelah memeriksa kandungan P27, SP5 mendapati sebungkus plastik lutsinar yang mengandungi bahan kristal yang disyaki dadah telah disembunyikan di dalam P27. Hakim bicara telah membuat dapatan bahawa perayu mempunyai jagaan dan kawalan terhadap P27 yang mengandungi dadah di akhir kes pendakwaan, Kemudiannya menimbangkan pengetahuan di bawah anggapan s 37(d) Akta itu berdasarkan kelakuan perayu yang mencurigakan. Hakim bicara mendapati bahawa perjalanan perayu dari Doha ke KLIA sambil membawa dan mengangkut dua bungkusan dadah yang disembunyikan dalam P27 adalah tindakan pengedaran seperti yang diperuntukkan di bawah s 2 Akta itu. Memandangkan pengetahuan telah dibuktikan dengan keterangan langsung, hakim bicara memutuskan anggapan pengedaran boleh dibangkitkan di bawah s 37(da) Akta itu. Setelah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap perayu, hakim bicara telah memanggil perayu untuk membela diri. Inti pati pembelaan perayu bahawa P27 merupakan kepunyaan satu Alizadeh Vahid ('Alizadeh'), seorang penumpang lain dalam penerbangan yang sama. Perayu berhujah bahawa Alizadeh telah meminta bantuan perayu untuk mendaftar masuk beg. Setibanya di lapangan terbang KLIA, Alizadeh meminta perayu untuk mengambil beg tersebut kerana Alizadeh terpaksa menggunakan bilik air. Perayu menegaskan bahawa dia berjalan-jalan di sekitar lapangan terbang untuk mencari Alizadeh. Hakim bicara telah memutuskan perayu boleh mengambil sebarang nama dari senarai penumpang yang telah diserahkan kepada pembelaan dan jika kenyataan perayu diterima, ia akan membuka pintu empangan. Oleh itu, hakim bicara telah memutuskan bahawa pembelaan perayu sekadar penafian semata-mata dan gagal menimbulkan D E F G H I

keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Perayu kemudiannya didapati bersalah dan dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi. Perayu telah membuat rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Dalam rayuannya, perayu berhujah bahawa dengan menolak pembelaan perayu atas alasan bahawa perayu boleh mengambil sebarang nama dari senarai penumpang, hakim bicara telah membuat spekulasi dan tidak memberikan pertimbangan yang adil dan mencukupi terhadap pembelaan perayu dan hakim bicara telah terkhilaf dalam pengendalian anggapan.

[23] Mahkamah ini merujuk kes *Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani*, mahkamah bicara ada menyentuh kesilapan mahkamah bicara apabila menggunakan pengedaran secara terus iaitu s 2 Akta itu dan juga pengedaran secara anggapan di bawah s 37(da) Akta itu di akhir kes pendakwaan. Hakim bicara tidak membuat penemuan yang jelas semasa memanggil perayu membela diri atas tuduhan mengedar dadah. YA Tengku Maimun HMR dalam penghakimannya menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> (2) Hakim bicara telah mengguna pakai kedua-dua anggapan di bawah s 37(d) dan (da) ADB secara alternatif. *Hakim bicara perlu membuat keputusan yang jelas mengenai anggapan yang disandarkan kerana perlu ada kepastian terhadap anggapan yang diguna pakai sebelum pembelaan dipanggil. Jika hakim bicara telah mengguna pakai anggapan sebelum memanggil pembelaan, undang-undang memperuntukkan bahawa hakim bicara menggunakan ujian imbangan kebarangkalian dalam menimbangkan sama ada perayu telah menyangkal anggapan tersebut*. Tidak ada sebarang ujian imbangan kebarangkalian yang digunakan oleh hakim bicara.
>
> (3) Pendekatan untuk tidak memilih atau membuat suatu dapatan mengenai anggapan yang diguna pakai tetapi bergantung semata-mata kepada alternatif adalah tidak wajar. *Hakim bicara sepatutnya membuat dapatan sama ada terdapat milikan sebenar atau milikan anggapan dan sama ada pengedaran sebenar atau pengedaran anggapan diguna pakai. Ia mencerminkan ketidaktentuan hakim perbicaraan. Dapatan tersebut adalah penting kerana ia memberi kesan kepada beban yang diletakkan ke atas pembelaan. Kegagalan hakim bicara membuat dapatan mengenai anggapan yang telah diguna pakai untuk menentukan milikan dan pengedaran dan kegagalan menentukan sama ada perayu telah menyangkal anggapan tersebut adalah suatu salah arahan yang telah memprejudiskan perayu*.

[24] Mahkamah ini berpendapat walaupun kes *Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani* melibatkan kes pengedaran dadah, mahkamah bicara di akhir kes pendakwaan mempunyai kewajipan untuk memutuskan sama ada bergantung kepada anggapan atau pengedaran secara terus sebelum perayu dipanggil untuk membela diri.

[25] Berbalik kepada kes perayu, di akhir kes pendakwaan dengan jelasnya Tuan HMS itu tidak bergantung kepada s 50 Akta itu semasa memutuskan kes prima facie atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. Dalam

keadaan ini perayu tercari-cari apakah beban bukti yang seharusnya pembelaan buktikan diperingkat kes pembelaan. Minda Tuan HMS itu hanya terserlah apabila dalam penghakimannya mengunakan anggapan dibawah s 50 Akta itu bagi kes pembelaan.

[26] Mahkamah ini turut merujuk kes *Mohamat Zamri Idris v Public Prosecutor* [2016] 1 LNS 324 di mana isu beban bukti ada dirungkai oleh YA Dr Choo Kah Seng, PK (pada ketika itu) seperti berikut:

> [10] I had scrutinized the whole judgment of the learned session court judge (see pp 389–400 rekod rayuan, Jld 4 and p 401 rekod rayuan, Jld 5), and I could not find anywhere in the judgment that a statutory presumption had been invoked in the prosecution's case against the accused. In the event the learned sessions court judge had in mind to invoke s 50 of the MACC, ie, the gratification shall be presumed to have been corruptly received or agreed to be received, the accused ought to be informed such presumption had been invoked against him when the accused was called to enter his defence. If an accused was not informed that a statutory presumption has been invoked against him/her, the accused would not know what would be the standard of proof placed on him/her to defend the case. On this score, I was of the opinion that the accused's interest in defending the case was seriously prejudiced.
>
> [11] Even if one is to argue that s 50 of the MACC is a compelling presumption, ie, once a gratification is proved to have been received or agreed to be received, then it would be incumbent upon the trial judge to inform the accused that a statutory presumption has been invoked against him/her, and that he/she is to rebut that compelling presumption on a balance of probabilities. The failure to inform the accused that s 50 of the MACC has been invoked would, in my opinion, prejudice the interest of the accused in defending his/her case.

[27] Mahkamah ini bersetuju dan dalam nada yang sama mengikuti kes *Mohamat Zamri Idris v Public Prosecutor* dan memutuskan Tuan HMS tersalah arah dan berdasarkan alasan ini sudah memadai untuk mengakaskan sabitan dan hukuman OKT atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif.

[28] Mahkamah ini selanjutnya berpendapat Tuan HMS itu telah tersalah arah apabila dalam penghakimannya *meletakkan perayu memikul dua beban bukti diperingkat kes pembelaan iaitu menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan dan atas imbangan kebarangkalian (mematahkan anggapan* s 50 Akta itu). Tuan HMS itu dalam penghakimannya di perenggan 76 yang dipetik sebelum ini jelas dilahirkan dalam penghakimannya.

[29] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu tersalah arah apabila perayu mempunyai tugas yang berat apabila dua beban bukti perlu dipikul semasa memberikan pembelaannya. Mahkamah ini berpendapat salah arah beban bukti ini tidak dapat dipulihkan di bawah s 422 Kanun Tatacara Jenayah.

[30] Mahkamah ini berpendapat tiada keperluan untuk menyentuh isu-isu lainnya yang dibangkitkan oleh peguam perayu yang terpelajar dalam penghujahan bertulisnya.

KESIMPULAN

[31] Selepas meneliti keseluruhan kes dan penghujahan bertulis pihak-pihak, mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terkhilaf dari segi beban bukti di akhir kes pembelaan dan terjumlah kepada salah arah yang tidak boleh dipulihkan di bawah s 422 KTJ. Mahkamah ini mengakaskan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan atas perayu bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. Mahkamah ini memerintahkan OKT lepas dan bebas atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua alternatif. Denda (jika telah dibayar) dikembalikan kepada perayu.

Rayuan dibenarkan dan keputusan mahkamah sesyen atas sabitan dan hukuman diakaskan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju